

KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE (ICC) KEBANGSAAN 2015 ANJURAN PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

PETALING JAYA - 4, NOV, 2015. Konvensyen Team Excellence (ICC) Kebangsaan 2015 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah berlangsung selama 3 hari iaitu 2 – 4 November 2015 bertempat di Sunway Pyramid Convention centre & Sunway Hotel Resort & SPA. Politeknik Seberang Perai (PSP) adalah **antara** Politeknik Malaysia yang telah menyertai Konvensyen (ICC). Selain daripada itu konvensyen ini juga telah disertai oleh pelbagai sektor awam dan swasta yang lain dimana melibatkan 218 kumpulan yang mewakili 158 organisasi dengan bilangan peserta lebih kurang 2000 orang. Semasa majlis penyampaian anugerah, telah diumumkan bahawa kos penjimatan yang telah diperolehi sepanjang persidangan ini adalah RM200 juta. Ini dapat memberikan impak yang besar kepada negara.

Persaingan sengit telah ditunjukkan oleh setiap kumpulan yang bertanding. Walau bagaimanapun, dengan usaha dan laporan dokumen yang mantap serta keyakinan semasa persembahan, projek kumpulan KIK PSP telah mendapat Anugerah EMAS.

PSP telah diwakili oleh kumpulan FM6 yang terdiri daripada 8 orang ahli yang diketuai oleh Puan Padzilah bt Darus dan dibimbing oleh Fasilitator Puan Wan Nur Wahidah bt Hashim. Projek yang dipertandingkan ialah i-SC yang merupakan sistem untuk menyediakan kad pelajar dengan lebih efisien. Ciri-ciri yang ada pada sistem ini adalah ialah boleh membaca data terus dari mykad, imej boleh dicrop dengan menggunakan *face detection* dan *upperbody detection* secara serentak serta boleh menggunakan tetikus untuk mempercepatkan pengesanan imej. Selain daripada itu system ini boleh dihubungkan dengan pangkalan data SPMP sedia ada dan kad pelajar yang telah siap diproses boleh dicetak ditempat yang berbeza melalui sistem rangkaian. Sistem ini dibangunkan bagi mempercepatkan proses pelajar mendapatkan kad pelajar semasa hari pendaftaran pelajar.

